

# Jaminan kepada guru sementara

BH-5 FEB 1975

KUALA LUMPUR, Selasa. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed hari ini memberi jaminan beliau akan mengkaji nasib setengah guru-guru sementara berkelulusan rendah yang terlibat dengan tindakan Kerajaan memberhentikan mereka.

Kebanyakan daripada mereka itu adalah berkelulusan LCE dan mereka terpaksa diberhentikan menurut satu peraturan Kementerian Pelajaran.

Peraturan itu berkehendakkan guru-guru sementara mempunyai keujian dalam tiga perkara, termasuk bahasa Malaysia dalam peperiksaan MCE jika mereka ingin terus berkhidmat.

## Guru lama

Dr. Mahathir memberi jaminan itu setelah berbincang dengan pegawai-pegawai MIC mengenai nasib kira-kira 70 orang guru sementara sekolah Tamil, kebanyakannya di Perak dan Kedah yang menghadapi tindakan



DR. MAHATHIR

pemberhentian itu.

MIC dalam satu memorandum mengenai kajian semula pelaksanaan dasar pelajaran yang sebelum itu diserahkan kepada Menteri berkenaan oleh timbalan presiden MIC, Datuk Athi Nahappan telah menyentuh tentang nasib guru-guru sementara tersebut.

Pengerusi jawatankuasa pelajaran MIC, Encik G. Vadiveloo menjelaskan dalam pertemuan itu bahawa setengah daripada mereka yang terlibat itu telah berkhidmat

sekarang-kurangnya 12 tahun.

Mereka akan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan lain cara kehidupan, sekiranya mereka diberhentikan.

Dr. Mahathir memberitahunya, guru-guru sementara sentiasa menghadapi kemungkinan diberhentikan kerana mereka akan terpaksa digantikan dengan guru-guru yang berkelayakan.

## Keiulusan

Bagaimanapun, tamahnya, mulai tahun ini, mereka yang mempunyai kelulusan minima yang dikehendaki akan di ambil semula sebagai guru sementara.

Menteri itu juga berkata, beliau akan meninjau bagi melonggarkan keperluan bagi memasuki tingkatan enam oleh penuntut-penuntut Tamil dari luar bandar yang telah ditimbulkan oleh memorandum MIC itu.

Memorandum itu juga menyentuh tentang berbagai perkara yang antara lainnya termasuk:

- Penggunaan bahasa Malaysia yang lebih di sekolah-sekolah Tamil,

- Pengajaran bahasa Tamil kepada murid-

murid India di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan jenis kebangsaan dalam masa sekolah, sekiranya terdapat lebih daripada 10 orang murid yang ingin mempelajari bahasa itu.

## Kemudahan

- Mengumpulkan sekolah-sekolah Tamil untuk mendapatkan kemudahan - kemudahan bilik darjah dan alat-alat mengajar yang lebih baik serta kakitangan yang mencukupi.

- Latihan perguruan bagi guru-guru sekolah Tamil dan,

- Pengambilan penuntut - penuntut India ke dalam bidang pengajian tinggi yang sejajar dengan jumlah penduduk orang-orang India.